




## SIRI SYARAHAN PERDANA INTEGRITI TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

Berita penuh muka surat 4





### EDITORIAL / EDITORIAL

- 03 Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi

### SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

- 04 Melangkaui 2020: Prof. Rahman Embong garis enam cabaran agenda integriti

### NEWS / BERITA

- 05 Kementerian Pendidikan sambut baik Modul Integriti Prasekolah
- 06 Kunjungan hormat ke negeri-negeri bincang penganjuran Roadshow **INTEGRITI**
- 07 Program rintis Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan untuk Jabatan Pengangkutan Jalan
- 08 Program Jejak Mat Kilau perkukuh integriti, patriotisme dan rekreasi
- 09 Buli dan gengsterisme: Di mana silapnya?
- 10 *Social media and security from the perspective of integrity*

### FEATURES / RENCANA

- 11 Perhalusi nilai integriti negara jayakan Transformasi Nasional 2050
- 12 Integriti perlu diamal, tak boleh diajar

### NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

- 14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

### GALLERY / GALERI

- 15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

## EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

### Advisor

Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

### Editor

Norsheeda Din

### Assistant Editors

Aimi Farhana Mohd Amin  
Zareena Izmin Ismail

### Photographer

Izal Arif Zahrudin

### Layout

Azni Husairi

### Contributors

Amerul Muner Mohammad  
Anuar Ahmad  
Harisham Ibrahim  
Izal Arif Zahrudin  
Fara Hasda Suhaimi

Published monthly by

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

# SYARAHAN PERDANA INTEGRITI TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

Julai tahun ini adalah bulan istimewa untuk kami di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Dalam bulan ini terdapat beberapa acara penting yang diketengahkan untuk menggerakkan agenda integriti dalam negara.

Antaranya adalah Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi. Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi ialah satu program perdana INTEGRITI yang bertujuan untuk mengetengahkan pemikiran dan wacana mengenai integriti dalam bidang ilmu dan juga praktik agar ia terus subur dan bersebati sebagai landasan dan jiwa kepada tadbir urus negara dan kehidupan masyarakat. Selain itu, siri syarahan ini juga merupakan satu wadah penting bagi tokoh-tokoh dan juara integriti dari dalam dan luar negara untuk berkongsi idea dan pengalaman mereka mengenai pembangunan integriti bagi manfaat masyarakat Malaysia, serantau dan juga antarabangsa.

Siri syarahan ini mengambil sempena nama YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia kelima untuk menghargai legasi beliau yang telah menggerakkan usaha pembaharuan dalam sistem tadbir urus negara dan menjadikan integriti sebagai prinsip asas dalam pelbagai bidang. YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi juga merupakan tokoh negarawan yang bertanggungjawab mengilhamkan idea Pelan Integriti Nasional dan mengasaskan INTEGRITI.

Syarahan sulung telah disampaikan oleh YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong yang merupakan Profesor Emeritus Sosiologi Pembangunan dan Felo Utama di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga adalah Felo Utama INTEGRITI. Selain ketokohan akademik yang cemerlang, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong merupakan perintis yang memimpin pasukan pengkaji penggubal Pelan Integriti Nasional.

Sebagai pemedato pertama siri syarahan ini, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong telah menyampaikan syarahan bertajuk "Melangkaui 2020 Ke Arah 2050: Menangani Cabaran Baharu Integriti Negara". Syarahan beliau membahaskan tema yang amat signifikan kepada agenda integriti dan merupakan kesinambungan Pelan Integriti Nasional yang berusia lebih satu dekad.

Selain itu, INTEGRITI juga telah mengadakan perbincangan meja bulat bagi membincangkan isu semasa yang hangat

diperkatakan iaitu buli di sekolah. Kami di INTEGRITI sentiasa mencari jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah yang semakin hari dilihat semakin meruntuhkan adab budaya dan nilai-nilai murni yang sepatutnya ada dalam masyarakat kita.

*Current Awareness Service* (CAS) INTEGRITI kali ini turut melaporkan beberapa usaha yang diambil oleh INTEGRITI terutama dalam merencana jeraawara ke seluruh pelusuk negara dalam usaha untuk menggerakkan agenda integriti nasional ke peringkat akar umbi.

Semoga usaha murni kita ini akan diberkati Allah s.w.t.

Salam hormat dan selamat membaca.

**DATUK DR. ANIS YUSAL YUSOFF**



# MELANGKAUI 2020: PROF. RAHMAN EMBONG GARIS ENAM CABARAN AGENDA INTEGRITI

Oleh Zareena Izmin Ismail



Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong menyampaikan syarahan bertajuk Melangkaui 2020 Ke Arah 2050: Menangani Cabaran Baharu Integriti Negara

“Bagi tujuan meneruskan kesinambungan Agenda Integriti, kita boleh bertanya di mana letaknya Pelan Integriti Nasional (PIN) dalam zaman baharu ini? Soalan ini diketengahkan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong dalam syarahan sulung Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam mengharungi abad ke-21 khususnya dalam usaha melangkah melampaui tahun 2020 ke arah tahun 2050 dan meneruskan usaha membangun sebuah negara yang maju, demokratik, berdaya saing dan bersatu berlandaskan prinsip integriti, Malaysia harus mengendalikan beberapa cabaran besar yang memberi dampak ke atas daya tahan institusi masyarakat, keutuhan tadbir urus negara serta keupayaan kepimpinan di pelbagai peringkat mengemudikan perubahan ke arah yang dihasratkan.

Beliau yang merupakan Felo Utama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) menekankan bahawa perubahan-

perubahan besar berlaku dalam negeri dan juga antarabangsa memberi implikasi yang serius terhadap Agenda Integriti.

“Justeru, ia menuntut pemikiran baharu untuk menanganinya secara berkesan,” kata beliau yang juga Profesor Emeritus Sosiologi Pembangunan dan Felo Utama di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau menggariskan enam cabaran yang harus diberi pertimbangan dalam meneruskan kesinambungan Agenda Integriti. Enam cabaran itu adalah kemunculan aktor-aktor baharu ekonomi dan geopolitik, pencapaian TN50 dalam konteks perkembangan ekonomi Malaysia dan inovasi Revolusi Industri Keempat, tadbir urus yang berlandaskan integriti, keberkesanan usaha membanteras rasuah, perubahan demografi dan peningkatan bilangan warga tua serta nilai dan gaya hidup generasi muda.

Syarahan beliau turut membicarakan mengenai model pemantapan integriti

berdasarkan pengalaman Malaysia yang digarap dalam PIN yang dilaksanakan sejak 2004.

Dalam kupasannya, Profesor Emeritus Abdul Rahman yakin bahawa dalam mendepani cabaran-cabaran baharu, Agenda Integriti yang berpandukan kepada PIN mampu untuk terus berperanan sebagai agenda pentakrif, inklusif dan berkekalan dengan menjadi milik semua pihak tanpa terikat kepada naungan penganjur asalnya.

Dalam penghuraiannya, beliau juga menarik perhatian, Agenda Integriti yang dibawa PIN adalah satu agenda pembaharuan yang menyeluruh, inklusif dan berjangka panjang untuk membawa Malaysia melewati Wawasan 2020 dan melangkah seterusnya ke arah TN50 bagi mewujudkan impian mendirikan sebuah negara yang maju ekonomi, masyarakat dan inovasinya berlandaskan integriti tinggi.

Ia mempunyai mesej yang mengandungi harapan untuk perubahan dan kemajuan dalam jangka panjang, kata beliau sambil menambah, bagi menjayakannya, seluruh negara dan rakyat perlu bersatu dan mendukung agenda ini.

“Lebih penting lagi keseluruhan kepimpinan mestilah mempunyai komitmen yang penuh dan gigih serta bercontoh teladan oleh kerana kepimpinan merupakan faktor paling kritikal dalam menentukan kejayaan sesuatu agenda besar seperti ini.”

Dalam rangka perjuangan untuk memartabatkan integriti dalam negara dan masyarakat, peranan aktor-aktor yang boleh menjadi juara integriti secara konsisten sangat penting.

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN SAMBUT BAIK MODUL INTEGRITI PRASEKOLAH

Oleh Norsheeda Din

**M**odul Integriti Prasekolah (MIPs) yang telah dibangunkan sebagai projek rintis di beberapa buah tadika di Lembah Klang dan Terengganu, mula menunjukkan impak yang positif dalam kalangan anak-anak kecil.

Satu pertemuan telah diadakan dengan YBhg. Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia untuk membincangkan hala tuju MIPs. Hasil pertemuan tersebut, modul ini telah dipersetujui untuk dilaksanakan di prasekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Lanjutan daripada pertemuan tersebut, INTEGRITI telah mengadakan Bengkel Penyemakan Draf Akhir MIPs pada 12 hingga 14 Julai 2017 untuk memantapkan dan melaksanakan penambahbaikan dalam MIPs. Bengkel ini memfokuskan aspek penambahbaikan berdasarkan input pertemuan kedua-dua pihak untuk diselarikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang sedia ada.



Murid-murid menyanyikan lagu yang terkandung dalam Modul Integriti Prasekolah.

mencadangkan agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini perlu berpusatkan murid dan bentuk pembelajaran yang dilakukan adalah secara praktikal bersama-sama guru dan juga murid.

Konsep modul yang telah dipersetujui

oleh KPM semasa pertemuan tersebut adalah *storytelling* atau penceritaan. Seperti yang telah dilakukan dalam projek rintis di beberapa buah tadika, modul berbentuk *fun learning* dan *storytelling* ini mudah dipelajari dan diikuti oleh murid. Secara tidak langsung apa yang telah dipelajari akan menjadi amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Justeru itu, bengkel yang telah dihadiri seramai 17 ahli Jawatankuasa MIPs yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agensi pendidikan telah dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula kandungan 12 manuskrip cerita yang dibawa agar ia tidak terlalu membebankan murid. Kit MIPs yang terdiri daripada *big books*, rancangan sesi pengajaran (RSP) dan cakera padat lagu SAM (Saya Anak Malaysia) serta 12 judul lagu tema cerita akan dihasilkan untuk kegunaan dalam modul ini.



Roziah Harun, Penolong Pengarah Kanan dan Penyelaras Program Kanak-Kanak, Pelajar dan Belia INTEGRITI menunjukkan sebahagian bahan interaktif yang digunakan untuk menyampaikan mesej nilai-nilai murni dari sudut budaya berintegriti.

# KUNJUNGAN HORMAT KE NEGERI-NEGERI BINCANG PENGANJURAN ROADSHOW INTEGRITI

Oleh Fara Hasda Suhaimi

**Y**Bhg. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI dengan diiringi oleh Hamilye Sham Harun, Pengarah dan Ketua Penyelaras, Program Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI telah mengadakan siri kunjungan hormat ke pejabat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Antaranya, kunjungan pada 4 Julai 2017 telah diadakan ke pejabat YB Ahmad Zamri Khairuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Tujuan kunjungan hormat ini ialah untuk memberi penerangan lengkap dan perbincangan mengenai bentuk kerjasama antara INTEGRITI dan Pejabat SUK bagi menjayakan Roadshow INTEGRITI 2017. Secara dasar, YB Ahmad Zamri bersetuju untuk bekerjasama menjayakan program ini yang bakal diadakan pada penghujung bulan September 2017 di Kangar, Perlis.

Seterusnya, kunjungan hormat pada 25 Julai 2017 telah diadakan ke Pejabat SUK Negeri Johor, YB Dato' Azmi Rohani. Datuk Dr. Anis telah memberi penerangan lengkap kepada YB Dato' Azmi berkenaan penganjuran Roadshow INTEGRITI 2017.

YB Dato' Azmi turut menyambut baik penganjuran program kerjasama ini yang bakal diadakan di Dewan Persidangan, Pejabat SUK Johor. Beliau turut mencadangkan agar program ini diadakan di semua daerah di Johor, dengan pelaksanaannya yang akan dilakukan oleh Unit Integriti, Pejabat SUK Johor. Beliau juga berhasrat agar pengenalan dan pelaksanaan instrumen integriti di semua daerah di Johor akan diangkat sebagai kertas



Datuk Dr. Anis bertemu Dato' Seri Farizan Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

cadangan dan tindakan ke dalam mesyuarat JITU negeri.

Pada 31 Julai 2017, kunjungan hormat ke Pejabat SUK Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Seri Farizan Darus telah diadakan di Pejabat YB SUK Pulau Pinang, KOMTAR. Penerangan lengkap mengenai Roadshow INTEGRITI oleh Datuk Dr. Anis telah berjaya menarik minat dan disambut baik oleh YB Dato' Seri Farizan untuk bekerjasama dengan INTEGRITI. Beliau juga berminat dengan beberapa pelaksanaan instrumen INTEGRITI yang akan dilaksanakan di agensi di bawah SUK Pulau Pinang.

Malah, beliau bersetuju untuk mengadakan program ini dengan kerjasama Unit Integriti, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang. Program dijangka dilaksanakan pada pertengahan Oktober 2017.

Ternyata siri kunjungan hormat ini telah mewujudkan jaringan kerjasama yang baik dalam menjayakan penganjuran Roadshow INTEGRITI 2017.



Pertemuan INTEGRITI dengan YB Dato' Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (gambar kiri) dan YB Ahmad Zamri Khairuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (gambar kanan). Turut hadir Hamilye Sham Harun, Pengarah dan Ketua Penyelaras Program Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI.

# PROGRAM RINTIS MODUL INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN UNTUK JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Oleh Harisham Ibrahim

**B**agi memperkukuhkan pegangan nilai, etika dan integriti pegawai-pegawai penguat kuasa di negara ini, INTEGRITI dengan kerjasama dan sokongan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah membangunkan satu modul latihan yang sesuai diguna pakai oleh semua agensi penguatkuasaan. Matlamat utama modul ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan pegawai penguat kuasa mengenai integriti.

Modul ini telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa merangkap Pengerusi INTEGRITI pada November 2016 dan telah diserahkan kepada EAIC untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang tersenarai di bawah pengawasannya. Oleh itu, sebelum modul ini dilaksanakan secara meluas, INTEGRITI telah mengambil langkah mengadakan program rintis bagi menilai keberkesanan.

Program Rintis Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan telah berlangsung pada 24 hingga 26 Julai 2017 di Menara INTEGRITI. Agensi penguatkuasaan yang pertama dipilih bagi melaksanakan program rintis ini adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Seramai 32 orang pegawai penguat kuasa JPJ dari pelbagai cawangan di seluruh Malaysia telah menghadiri program rintis ini.

Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan ini mengandungi lima submodul yang dibangunkan dengan mengambil kira



Sebahagian pegawai JPJ yang menghadiri Program Rintis Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan.

peranan, fungsi dan keperluan seorang pegawai penguat kuasa iaitu:

- i. Penjagaan Imej Agensi Penguatkuasaan
- ii. Pengurusan Kewangan Pegawai Penguat Kuasa
- iii. Membetulkan Yang Biasa Membiasakan Yang Betul
- iv. Kerja Sebagai Satu Ibadah
- v. Menginstitusikan Integriti

Program rintis ini dijalankan dengan melibatkan partisipasi dan interaktif peserta bagi membolehkan setiap peserta lebih memahami dan menghayati setiap isi kandungan modul yang ingin disampaikan. Selain itu, program rintis ini juga menggunakan pendekatan tayangan klip video, kajian kes, bengkel, aktiviti kumpulan dan juga refleksi. Fasilitator yang dijemput bagi mengendalikan

setiap sesi adalah terdiri daripada mereka yang pernah terlibat dalam bengkel pembangunan modul ini suatu ketika dahulu. Para peserta juga telah menunjukkan minat dan komitmen yang sangat tinggi sepanjang program rintis.

Selain itu, INTEGRITI turut menjemput seorang wakil EAIC sebagai pemerhati dan menilai keberkesanan program ini. Pihak INTEGRITI turut menyediakan soalan pra dan pasca program rintis bagi menilai tahap pemahaman para peserta. Ia meliputi pemahaman tentang perbuatan rasuah, perlakuan integriti dan juga mengenai kandungan modul itu sendiri.

Diharapkan dengan pelaksanaan program rintis ini, keberkesanan Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan dapat ditingkatkan dan mampu mencapai objektif yang disasarkan.

# PROGRAM JEJAK MAT KILAU PERKUKUH INTEGRITI, PATRIOTISME DAN REKREASI

Oleh Izal Arif Zahrudin

Sejarah merupakan elemen penting dalam kehidupan kita. Banyak peristiwa dan hikmah dapat dipelajari sekiranya kita benar-benar memahami sejarah.

Bagi menyokong usaha ini, INTEGRITI telah mengadakan program Jejak Mat Kilau bagi memperingati kembali sejarah perjuangan.

Program ini mendokumentasikan laluan Mat Kilau sejauh 130 kilometer, meliputi kawasan sempadan Terengganu-Pahang. Laluan yang digunakan oleh Mat Kilau sepanjang perjuangan beliau menentang British bermula di Kampung Pasir Raja, Terengganu hingga ke Kampung Bantal, Ulu Tembeling, Pahang dan berakhir di Kuala Tahan, Pahang.

Ekspedisi selama lima hari yang bermula pada 10 Julai 2017 telah memberi pengalaman dan kenangan yang tidak dapat dilupakan oleh semua 21 peserta yang terlibat. Anggota ekspedisi terdiri daripada warga INTEGRITI dengan dibantu oleh wakil Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Lembaga Pembangunan Terengganu Tengah dan Pejabat Daerah dan Tanah Dungun telah menghadapi pelbagai cabaran berliku ketika melalui *trail* Mat Kilau.

Perjalanan tersebut memberikan cabaran yang berbeza kepada mereka yang melaluinya. Bermula dengan menaiki pacuan empat roda dan seterusnya berjalan kaki merentasi hutan dan sungai, bentuk muka bumi yang mencabar sudah semestinya menjanjikan aliran adrenalin yang mengujakan. Elemen ini menjadikan Mat Kilau *trail* antara laluan yang dianggap sebagai laluan yang agak ekstrem bagi penggemar aktiviti rekreasi hutan



Penggambaran di hadapan Kubu Mat Kilau di Padang Jerangau, Dungun, Terengganu.

dan penggemar rekreasi sejarah.

Dokumentari ini akan dilancarkan pada bulan September ini sempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia mengambil kira tiga elemen penting iaitu integriti, patriotisme dan rekreasi. Nilai integriti dilihat melalui sifat Mat Kilau sendiri, seorang ilmuan agama yang terkenal dengan sifat kejujurannya yang disegani oleh masyarakat ketika itu.

INTEGRITI melihat setiap rakyat Malaysia khususnya golongan muda perlu mempelajari sejarah supaya dapat membina semangat patriotisme selain menjadikan budaya berintegriti sebagai amalan sepanjang masa.

Penerbitan program ini turut dibantu oleh Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu Berhad, Angkatan Pertahanan Awam Negeri Terengganu dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.



Peserta program Jejak Mat Kilau sebelum memulakan ekspedisi.



# BULI DAN GENGSTERISME: DI MANA SILAPNYA?

Oleh Anuar Ahmad



Moderator, Dr. Ahmad Fadzi Ahmad Tajuddin (dua dari kiri) bersama ahli panel (dari kiri) Prof Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan, Datuk Dr. Mohamed Fadzil Che Din dan SAC Dato' Zainal Abu.

Isu buli dan gengsterisme adalah isu panas yang sering mendapat tempat di media dewasa ini. Bagi mencari jalan penyelesaian terbaik kepada isu ini, satu Perbincangan Meja Bulat (RTD) atas tajuk “Strategi dan Pendekatan Bagi Membanteras dan Membasmi Insiden Buli Serta Budaya Gengsterisme Dari Peringkat Sekolah Hingga Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Demi Melahirkan Sebuah Masyarakat Yang Berintegriti Tinggi” telah diadakan pada 25 Julai 2017.

RTD ini menampilkan tiga orang Pembincang Utama yang terdiri daripada YBhg. Datuk Dr. Mohamed Fadzil Che Din, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Pertahanan Malaysia yang mewakili Kementerian Pengajian Tinggi. YBhg. SAC Dato' Zainal Abu, Ketua Penolong Pengarah (Kepolisian Komuniti) Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, PDRM dan YBhg. Prof Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan Pengerusi Majlis Pemuafakatan PIBG Nasional.

Menurut statistik secara keseluruhannya, insiden buli yang berlaku di sekolah telah menurun dari tahun 2012 iaitu pada kadar 0.008% dari hampir 5 juta pelajar kepada 0.006% pada tahun 2016. Dalam pada itu, bilangan kes-kes buli yang berlaku sepanjang tahun 2017 di IPT juga adalah minimal iaitu pada kadar 0.002%

daripada keseluruhan jumlah mahasiswa seramai 1.2 juta. Pun begitu isu ini terus mendapat perhatian sehingga mendesak satu tindakan menyeluruh.

Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah buli di peringkat sekolah. Antaranya ialah menubuhkan Kelab Remaja Berwawasan, program NBOS antara PDRM dengan pihak sekolah serta mewujudkan jawatan Pegawai Perhubungan PDRM di sekolah. Antara syor yang telah dikemukakan adalah sekolah mewujudkan jawatan Guru Penolong Kanan (Disiplin) bagi menunjukkan keseriusan sekolah dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah.

Dalam pada itu, di peringkat IPT pula telah ada Pelan Induk Pendidikan Tinggi dan sistem penilaian pelajar yang dinamakan sebagai *Hollistic Students Development* yang memastikan agar wujud perkembangan seimbang antara faktor akademik dan akhlak dalam kalangan pelajar, di samping menjamin para pelajar dilengkapi dengan kemahiran diri agar dapat menembusi pasaran pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas mereka tamat pengajian.

Pada masa ini, tahap kelulusan pelajar IPT di peringkat nasional berada pada paras 76% daripada kemasukan

pelajar IPT ke universiti. Pihak Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia juga telah menubuhkan lebih 700 buah Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah-sekolah seluruh negara bagi memberikan kesedaran maksimum kepada para pelajar mengenai keburukan jenayah.

Ahli panel turut berpendapat kapsul berbentuk pesanan khidmat masyarakat (PSA) perlu diperbanyakkan.

RTD ini turut disertai wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Pengajian Guru Malaysia, Maktab Rendah Sains MARA, Yayasan Pelajaran MARA, Kementerian Belia dan Sukan, Biro Tatanegara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Jabatan Hal Ehwal Khas. NGO-NGO yang berkaitan turut dijemput, antaranya Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.

Strategi atau cadangan penyelesaian yang telah dikemukakan semasa perbincangan meja bulat ini akan dikaji dan diteliti oleh pihak-pihak yang berkaitan. Usaha penerapan nilai-nilai murni perlu giat ditanam dan menjadi amalan dalam diri anak-anak seawal usia demi melahirkan masyarakat yang berintegriti.

# SOCIAL MEDIA AND SECURITY FROM THE PERSPECTIVE OF INTEGRITY

By Amerul Muner Mohammad

The emergence of Internet has revolutionised communication systems and the way people communicate. Postal services have seen significant reduction in letters handling, telegrams have become extinct, and counter services at banks and utility companies have become things of the past.

It is also not uncommon for youngsters to learn from YouTube and gaming apps available on gadgets such as the iPad and tablets. Short messaging system, Facebook, Twitter, Instagram, WeChat have emerged as the main communication lines that instantaneously connect people without any hindrance.

Social media have become the main sources of news to the extent that the media houses use social media as one of their main sources as well as outlets to spread news.

While Internet and social media have become a boon to mankind that brought values to human life, social media may also be used as weapon of mass destruction. A number of incidences of late, such as 'Egypt Springs', 'Tunisia Uprisings' 'The Failed Coup in Turkey' showed that the public and governments could easily use social media as a tool for uprisings and activities that require mass participation.

ISIS or Daesh is using social media for recruitment and fund raising for their activities, without having to leave their houses. Bomb blasts in Jakarta, in January 2016 and May 2017 were also traced to the recruitment and propaganda made through social medias.

Taking cognizance of the threat of social media being used as a weapon against organisations, nations and global interests, the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) had an information sharing session with Majlis Keselamatan Negara (MKN) on 28 July 2017 to better understand the situational condition of this country.

Muhammad Hafiz Abdul Rahim of MKN led the session by sharing information on roles of the MKN, current threats in the country particularly through Internet and social media and ways how public could help to thwart those threats. He also shared on the dangers of disseminating information without verification and the effects of such action that could lead to disharmony and economic loss to the country.

As such, it is important to be mindful of unverified information and not to spread fake news. The staff of INTEGRITI were reminded of the 'global undesirable elements' especially the self-proclaimed jihadists are always on the look out to recruit people for their own personal agenda. The word 'jihad' had lured a lot of people to go against the world but those jihadists cause more harm than good, not only to Muslims but also to all levels of society.



Muhammad Hafiz Abdul Rahim.

The attendees to the session were also made to be aware that everyone must play his or her role to be the eyes and ears to the authorities, in order to combat the potential threats of terrorism that would affect everybody's life one way or another.

It was acknowledged that INTEGRITI, which is tasked in promoting good values in life, plays significant roles in educating, promoting and enhancing integrity in this country, and is the main element in combating terrorisms and harmful acts.

Safety and security is the responsibility of every citizen of this country. Media, either social or mainstream, could be used as a shield or a sword depending on how they are utilized and managed by individuals.



Participants focusing on the talk.

# PERHALUSI NILAI INTEGRITI NEGARA JAYAKAN TRANSFORMASI NASIONAL 2050

Rencana oleh Datuk Dr. Anis Yusaf Yusoff,  
disiarkan dalam Berita Harian, 4 Jun 2017

Hampir setiap minggu kita disajikan dengan laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak tegas menangani rasuah.

Persoalannya, adakah isu rasuah dilihat semakin serius atau adakah ini perkara biasa yang sudah lama wujud? Apa pun isunya, kita perlu diingatkan rasuah harus dilihat secara lebih menyeluruh, bukan hanya berkaitan sogokan duit.

Masalah kurang integriti lain, sama ada salah guna kuasa, penyelewengan serta pecah amanah perlu juga difahami sebagai perkara berkaitan hal yang dianggap dapat merosakkan sistem governans dan integriti organisasi atau masyarakat. Semua perkara ini perlu diberi perhatian dan dibendung daripada awal.

Kalau masa anak masih kecil, ibu bapa beragama Islam umpamanya, mendidik anak supaya menghindari makanan tidak halal seperti babi. Kenapa hari ini mereka tidak boleh tambah senarai selain babi, harus disebut juga makanan hasil atau sumber wang haram iaitu sama haram makan duit rasuah.

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) berpegang kepada prinsip Wawasan 2020 yang disandarkan oleh Pelan Integriti Nasional (PIN) di mana secara khususnya bermatlamat memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk masyarakat yang ada ciri-ciri moral dan etika tinggi selain nilai keagamaan dan kerohanian utuh serta ditunjangi budi pekerti luhur.

Melangkau 2020 ke 2050, kita harus menilai semula di mana kedudukan integriti negara. Apakah cabaran baharu menanti kita pada 2050. Adakah matlamat akhir kita untuk membangunkan bangsa yang berintegriti, berdaya tahan dan mempunyai nilai murni sejagat sudah cukup atau perlukah kita fikir semula strategi dan matlamat akhir kita sebagai sebuah negara merdeka?

## Perlu kerjasama semua pihak

Sebagai agensi yang menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan PIN, INTEGRITI fokus untuk menggerakkan semua lapisan dan sektor masyarakat ke arah mencapai matlamat akhir ini. Cuma untuk mencapainya, kami tidak mampu laksanakan sendiri. Agensi dan badan pelaksana lain yang ditetapkan dalam pelan tindakan PIN harus main peranan masing-masing.

INTEGRITI sebagai agensi pemantau dan SPRM sebagai badan yang menguatkuasa undang-undang antirasuah perlu bantuan semua pihak. Dalam usaha memikir cabaran yang menanti kita pada 2050, INTEGRITI menganjurkan siri Syarahan Perdana Tun Abdullah Ahmad Badawi bertajuk 'Melangkaui 2020 Ke Arah 2050: Menangani Cabaran Baharu Integriti Negara' Khamis lalu. Syarahan Perdana ini mengambil nama Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai mengenang budi beliau mengilhamkan kelahiran INTEGRITI dan PIN.

Harapan INTEGRITI agar legasi Tun Abdullah melalui program seperti ini terus dikenang dan mengetengahkan pemikiran dan wacana baharu mengenai integriti

dalam bidang ilmu dan juga praktik dalam tadbir urus negara dan kehidupan masyarakat.

Siri pertama disampaikan oleh Profesor Emeritus Sosiologi Pembangunan dan Felo Utama di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Rahman Embong. Beliau juga adalah Felo Utama di INTEGRITI.

## Fahami agenda integriti

Cabaran kita jelas. Maka persediaan kita juga harus dimulakan dengan memahami agenda integriti dibawa PIN, iaitu pembaharuan menyeluruh, inklusif dan berjangka panjang membawa Malaysia melewati Wawasan 2020 dan melangkah seterusnya bagi mewujudkan impian mendirikan negara yang maju dari segi ekonominya, stabil dari segi perpaduannya, berakhlak mulia dan berinovasi masyarakatnya berlandaskan integriti tinggi. Ia mempunyai mesej mengandungi harapan untuk perubahan dan kemajuan jangka panjang.

Untuk memahami apa yang terkandung dalam pemikiran generasi pemimpin negara akan datang, INTEGRITI mengadakan kajian persepsi rasuah dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi baru-baru ini.

Kajian menunjukkan majoriti pelajar mempunyai tahap kefahaman tinggi mengenai perbuatan rasuah. Yang merisaukan, 35.8 peratus responden berpandangan penerimaan hadiah dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan sebagai balasan atas

perkhidmatan yang diberikan bukan kesalahan rasuah.

Seramai 28.1 peratus responden beranggapan tidak salah untuk mengambil harta atau barangan pejabat untuk kegunaan peribadi, manakala 37.3 peratus responden beranggapan mengemukakan tuntutan bagi tugas luar walaupun penginapan disediakan penganjur adalah bentuk kesalahan.

Seramai 20.6 peratus responden pula anggap 'terbabit secara langsung dalam proses pelantikan ahli keluarga untuk mengisi jawatan kosong di jabatan'

sebagai perbuatan dibolehkan.

Hasil kajian ini jika dijadikan kayu ukuran memerlukan kita untuk menyemak semula nilai yang dididik dalam kalangan mahasiswa. Mungkin ia sudah bermula dari sekolah rendah. Kita kluatir sekiranya melihat kepada dapatan kajian ini kerana mahasiswa akan memasuki alam pekerjaan, menjadi pemimpin di tempat kerja dan dalam komuniti. Sekiranya ini pandangan mahasiswa, bagaimana mereka yang bukan mahasiswa?

Hasil kajian ini perlu diberi perhatian sewajarnya agar generasi muda mampu

menggalas tanggungjawab lebih baik. Mereka adalah harapan masa depan negara, bahkan merekalah tenaga penggerak dan pemimpin Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Semua pihak harus memainkan peranan kerana perkara ini berkait antara satu sama lain. Kalau dilihat daripada satu aspek sahaja, kita akan abaikan yang lain dan ia boleh mencetuskan masalah lebih besar nanti. Kita perlukan satu ekosistem telus dan berintegriti untuk menyokong semua usaha kita, terutama dalam menjayakan TN50.

# INTEGRITI PERLU DIAMAL, TAK BOLEH DIAJAR

*Temu bual bersama Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff oleh Wartawan BH Ahad, Nazura Ngah dan Mohd Nasaruddin Parzi  
Disiarkan pada 23 Julai 2017*

**K**ajian Persepsi mahasiswa Mengenai Rasuah oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) terhadap 402 responden mahasiswa di tiga universiti utama tempatan mengejutkan ramai pihak. Ramai beranggapan kegagalan golongan terpelajar memahami elemen rasuah dan integriti menimbulkan kebimbangan terhadap kegagalan sistem pendidikan.

Wartawan BH Ahad, Nazura Ngah dan Mohd Nasaruddin Parzi mendapatkan pandangan daripada Presiden dan Ketua

Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff; Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM), Mohd Hazim Abdul Manaf; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan rasuah (SPRM), Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil dan Pengarah Pusat Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr. Fauziah Mohd Sa'ad.

**S: Boleh Datuk terangkan dengan lebih terperinci kajian yang dilakukan INTEGRITI, skop, metodologi dan**

**tempoh kajian?**

J: Ini adalah langkah pertama untuk kami mendapatkan hasil kajian lebih besar. Kajian secara pantas ini adalah untuk mendapatkan sedikit maklumat. Bagi fasa pertama, kami fokus tiga universiti utama dengan kajian dilakukan secara rawak di setiap universiti. Kecanggihan teknologi hari ini membolehkan soal selidik dijalankan dalam talian dengan responden hanya perlu mengakses pautan disediakan. Ia mudah diakses melalui aplikasi dalam talian dengan akses

khas yang dilakukan melalui telefon pintar.

Kajian selama dua bulan bermula Februari lalu bertujuan mengenal pasti sejauh mana pemahaman responden dalam isu rasuah dan integriti berdasarkan jawapan diterima. Kali ini, INTEGRITI memfokuskan hanya kepada mahasiswa untuk mendapatkan jawapan lebih terperinci daripada kelompok berkenaan.

**S: Ada pihak berpendapat kemungkinan soal selidik kajian menggunakan bahasa yang sukar difahami berhubung isu rasuah sehingga menghasilkan dapatan seperti itu?**

J: Soalan yang diberi adalah *straight forward*, mudah difahami dan tidak berbelit. Ini bukan soalan matematik yang memerlukan kita berfikir, hanya perlu tahu apa soalnya kerana ia untuk menguji tahap kefahaman sama ada faham atau tidak, mahupun salah atau tidak perlakuan itu. Adalah perkara biasa apabila masyarakat lebih suka menyalahkan atau mempertikaikan hasil kajian, menyalahkan sampel dan metodologi tanpa mahu menerima hakikat hasil kajian itu.

**S: Adakah penemuan Kajian Persepsi Mahasiswa Mengenai Rasuah mengejutkan atau memang sudah dijangka?**

J: Sememangnya kita menjangkakan hasil dapatan kajian itu berdasarkan perbincangan meja bulat dengan pihak berkepentingan termasuk pakar dalam bidang masing-masing mengenai isu integriti selain kajian terdahulu termasuk kajian yang dilakukan oleh SPRM. Menerusi pelbagai perbincangan, kita sudah dengar banyak masalah wujud. Kita tidak terkejut, namun kita mahu bukti empirikal daripada kajian.

Sebagai contoh, menerusi kajian SPRM, hanya 47 responden bersetuju

tuntutan elaun perjalanan palsu adalah satu kesalahan. Satu lagi contoh apabila ada wakil organisasi dalam persidangan meja bulat berpendapat daripada 100,000 pelajar di 34 politeknik, antara masalah integriti yang ketara adalah budi bahasa pelajar yang kasar ketika berinteraksi dengan pensyarah, soal kekemasan ketika dalam kelas, lewat hantar tugas dan tidak disiplin.

**S: Datuk menyatakan, kajian majoriti pelajar mempunyai tahap kefahaman tinggi mengenai rasuah. Apakah kefahaman dimaksudkan jika ramai responden menganggap perbuatan menerima hadiah sebagai balasan daripada perkhidmatan diberikan bukan kesalahan rasuah?**

J: Jika dilihat penemuan daripada kajian itu, contohnya politik wang, peratusan responden yang faham bahawa ia perbuatan salah adalah tinggi, begitu juga mereka tahu bahawa menggunakan kuasa untuk mendapatkan sesuatu faedah atau menggertak pelanggan untuk mendapatkan habuan sebagai perbuatan salah.

Daripada itu, kita boleh katakan bahawa kefahaman mereka mengenai rasuah adalah tinggi, namun pada masa sama kami cuba memahami pemikiran yang menganggap menerima hadiah sebagai balasan daripada khidmat diberikan bukan satu kesalahan rasuah atau menganggap terbabit secara langsung dalam proses pelantikan keluarga bagi mengisi jawatan kosong di jabatan sebagai perbuatan dibolehkan. Menerusi dapatan kajian ini, kita boleh membuat andaian bahawa mana-mana perbuatan yang memberi faedah dan menguntungkan mahasiswa terbabit akan dianggap satu perkara tidak salah. Ini satu kefahaman berdasarkan kepentingan diri sendiri.

**S: Bagaimana hasil dapatan kajian ini mampu memberi impak kepada transformasi pendidikan dalam usaha membentuk akhlak, moral dan sahsiah diri pelajar?**


J: Ini penting kerana kajian dijalankan bukan untuk menyalahkan mana-mana pihak yang gagal memberi didikan sempurna kepada generasi muda, sebaliknya kita hanya mahu memahami kenapa dan bagaimana keadaan itu boleh berlaku. Kemungkinan masalah ini sudah bermula dari rumah, sejak kecil, banyak benda yang mempengaruhi cara berfikir atau amalan yang dibudayakan sejak awal kelahiran mereka. Amalan dan tingkah laku ibu bapa di rumah amat mempengaruhi pembentukan akhlak, moral dan sahsiah diri anak.

Kita perlu gali apa juga permasalahan yang menjadi punca mahasiswa gagal memahami rasuah kerana dalam konteks tadbir urus dan integriti, jika kita tidak tahu puncanya, bagaimana kita hendak didik. Kita bukan hendak menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya kita mahu menghasilkan satu strategi. Strategi yang terhasil bukan hanya bersandarkan data semata-mata, sebaliknya dapatan daripada perbincangan meja bulat, memahami isu lebih mendalam dan akhirnya kita dapat menghasilkan penyelesaian terbaik.

Masyarakat masih terbelenggu dengan sindrom penafian, kita rasa kita sudah baik, kita salahkan semua orang kecuali diri sendiri, kalau kita terus dalam keadaan ini, tidak mahu menerima hakikat bahawa kita berdepan masalah, bagaimana kita hendak selesaikan masalah, syarat memperbaiki keadaan. Kita kena terima kita ada masalah.

*Sambungan di muka surat 15*

## CORRUPTION AND THE DESTINY OF ASIA




*Publisher: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd. and Simon & Schuster (Asia) Pte.Ltd.*

*Published: 1999*

*Author: Syed Hussein Alatas*

The purpose of this book, according to Alatas, is to understand the phenomenon of corruption – which has occurred as a practice since the time of the Roman Empire – as broadly and as deeply as possible. In discussing the phenomenon of corruption, Alatas suggests that it is divided into three problem areas, which are 1) the function of corruption; 2) the causes of corruption; and 3) the means of eliminating or restraining the influence of corruption. While the book itself is not a case study of instances of corruption, it nevertheless cites examples to support Alatas' arguments. Among the examples on Malaysia include the case of irregularities of supply for the Malaysian army in the 1970s, in order to demonstrate what he calls the 'human cost of corruption', and the Bumiputera Malaysia Finance (BMF) scandal which Alatas uses to demonstrate the challenges that comes with the struggle of combatting corruption.

## CURBING CORRUPTION IN ASIAN COUNTRIES: AN IMPOSSIBLE DREAM?



*Publisher: Emerald Group*

*Published 2011*

*Author: Quah, Jon S.T*

— JON S. T. QUAH —

This book evaluates and analyses anti-corruption measures in selected Asian countries, including Japan, India, Philippines, Taiwan, Malaysia, Singapore, Hong Kong SAR, Thailand, South Korea, Indonesia and Mongolia. These countries are selected by the author because they represent what is the three major patterns of corruption control, namely 1) anti-corruption laws without anti-corruption agencies, as with the case of Japan; 2) anti-corruption laws with multiple anti-corruption agencies, as with the case of India and the Philippines; and 3) anti-corruption laws with single anti-corruption agencies, as with the case of Malaysia and Singapore. Out of cases that are studied, it is argued by Quah that only Singapore and Hong Kong have been able to successfully minimise instances of corrupt practices, due to the political will amongst their leaders, as well as their favourable policy contexts and impartial implementation of anti-corruption laws. The failure of the other cases that are analysed owe to factors that are in reverse to the two success stories.



YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff di MICG Conference on Governance Culture di Kuching Sarawak.



Mohd Rezaidi Mohd Ishak, Timbalan Pengarah Program Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI ditemu bual oleh Arin Noor di Mysuara FM mempromosikan Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi.



Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff bersama Unit Integriti PETRONAS setelah selesai perbincangan mengenai penganjuran Konvensyen Integriti Nasional 2017.



Perjumpaan INTEGRITI bersama YBhg. Datuk Ahmad Abu Bakar, Group Managing Director UDA Holdings Berhad.

Sambungan dari muka surat 13

**S: Datuk juga berpandangan pihak berkepentingan perlu semak semula nilai yang disemai dalam kalangan mahasiswa jika hasil kajian itu dijadikan kayu ukur. Adakah ia menggambarkan kegagalan sistem pendidikan formal hari ini walhal pendidikan agama dan moral diajar bermula peringkat pendidikan rendah?**

J: Jawapan saya mudah. Babi adalah haram, umat Islam semua tahu babi haram. Benda lain boleh buat, babi tidak akan disentuh, malah ada yang jadikan ia satu gurauan, lelaki yang pergi ke Danok, Thailand (melakukan aktiviti yang tidak sihat) apabila pulang dari sana, mereka mesti mencari restoran halal. Di rumah, ibu mendidik anak mereka supaya jangan makan babi, tetapi dalam konteks yang sama kenapa ibu bapa hari ini tidak mengajar anak, bukan sekadar jangan makan babi, tetapi jangan makan makanan dari sumber haram.

Saya selalu katakan integriti tidak boleh diajar, sebaliknya diamalkan. Pendidikan bermula di rumah, semua orang kena main peranan. Walaupun dalam kelas diajar perkara baik, jika di luar kelas, orang luar mengamalkan cara hidup tidak sihat, pelajar tetap terpengaruh elemen negative.

**S: Dalam usaha kerajaan mengerakkan misi Transformasi Nasional (TN50), menjadikan Malaysia sebuah negara maju, ekosistem yang bagaimanakah perlu diwujudkan demi memastikan visi itu dapat dicapai?**

J: Dalam konteks TN50, apabila hendak cakap mengenai hala tuju 30 tahun akan datang, sebelum kita melihat ke depan, kita perlu menoleh ke belakang, semua orang akan kata, hanya orang yang tahu sejarah, mampu melihat misi dan visi, sekali gus menjadi penakluk dunia. Kalau mereka tidak boleh nampak apa yang

hendak dicapai, mereka tidak akan hargai, lebih teruk kalau kelompok itu adalah idealis yang hanya semata-mata bersandarkan senarai apa yang dihajati.

Namun apa yang penting, kami tidak pernah berhasrat untuk menyalahkan mana-mana universiti.

**S: Adakah kajian ini menemui punca yang menyebabkan mahasiswa gagal memahami konsep sebenar rasuah?**

J: Tiada. Insya-Allah ia akan ditemui dalam kajian susulan, itu yang saya rancang, untuk langkah pertama, kita hendak memahami, pertama, mereka faham atau tidak 19 item yang kita tanyakan, kedua persepsi. Kita rancang untuk pergi secara mendalam dalam kajian akan datang, tetapi ketika ini apa yang kami fikirkan ialah langkah seterusnya untuk menjalankan kajian lebih meluas kerana wujud sindrom penafian dalam kalangan masyarakat.



[www.integriti.my](http://www.integriti.my)

